

PROSES PILIHAN RAYA DI MALAYSIA

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan konsep demokrasi berparlimen, Malaysia menjalankan pilihan raya untuk menentukan kerajaan bagi tempoh maksimum, iaitu lima tahun. Proses pilihan raya merupakan satu proses yang sangat penting kerana pilihan raya memberikan mandat kepada rakyat untuk menentukan sendiri kerajaan yang mereka mahu bagi mentadbir negara. Lantaran itu, sangat penting bagi setiap rakyat Malaysia memahami proses ini supaya kita dapat menjalankan tanggungjawab tersebut sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan.

Terdapat dua jenis pilihan raya yang diadakan di Malaysia. Yang pertama ialah Pilihan Raya Umum (PRU) yang diadakan apabila Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan atau terubur sendiri selepas tamat tempoh lima tahun. Keduanya ialah Pilihan Raya Kecil (PRK) yang dijalankan bagi mengisi kekosongan kerusi Parlimen atau DUN sekiranya berlaku situasi luar jangkaan seperti kematian, peletakan jawatan, hilang kelayakan dan pembatalan keputusan pilihan raya oleh mahkamah pilihan raya.

Sistem politik yang diamalkan di negara kita merupakan sistem pelbagai parti dengan parti politik yang memperoleh majoriti kerusi di Parlimen atau DUN boleh menubuhkan kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri. Sistem ini berasaskan "First-Past-The-Post-System" yang bermaksud mana-mana calon yang memperoleh undi majoriti akan diisytiharkan sebagai pemenang di bahagian pilihan raya yang ditandingi oleh calon.

Pilihan raya sama ada PRU atau PRK dijalankan dengan proses yang tersusun dan dikendalikan oleh Suruhanjaya



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj beratur untuk mengundi di salah satu pusat mengundi di Sekolah Melayu Kancut, Alor Setar, Kedah semasa pilihan raya pertama Kedah dan Perlis pada 20 Mei 1959.



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj tiba bagi mengundi di salah satu pusat mengundi pada 25 April 1964.

Pilihan Raya Malaysia (SPR). SPR ditubuhkan pada 4 September 1957 berdasarkan Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan. Pada awal penubuhannya, SPR dianggotai oleh seorang pengerusi dan dua orang ahli. Pengerusi pertama SPR ialah Dato' Dr. Mustafa Albakri Haji Hassan dan ahlinya terdiri daripada Lee Ewe Boon dan Ditt Singh. Berdasarkan peraturan yang terkandung dalam perlembagaan, akta dan peraturan pilihan raya, SPR akan menjalankan fungsinya bagi mengadakan pilihan raya yang adil dan telus.

Enam peringkat yang harus dipatuhi bagi menjalankan pilihan raya di Malaysia.

Pengeluaran Writ

Writ merupakan surat kuasa untuk menjalankan pilihan raya akan dikeluarkan oleh SPR dan diserahkan kepada Pegawai Pengurus SPR selepas berlaku pembubaran Parlimen atau DUN atau sekiranya terdapat kekosongan di luar jangka. Serentak dengan itu, satu notis pilihan raya akan diwartakan dan ditampal di tempat yang mudah untuk semakan orang awam. Notis tersebut mengandungi tarikh penamaan calon dan tarikh pengundian. Maka itu, orang awam harus cakna dengan tarikh ini kerana setiap orang hanya mempunyai satu peluang sahaja untuk mengundi pada hari pengundian.



Seorang pengundi cacat penglihatan sedang memasukkan kertas undi ke dalam kotak undi semasa Pilihan Raya Negeri Sabah pada tahun 1981.

Penamaan Calon

Sebagaimana yang dicatatkan pada notis pilihan raya yang dikeluarkan serentak dengan writ, satu tarikh akan ditetapkan untuk proses penamaan calon. Antara pukul 9.00 pagi hingga 10.00 pagi pada hari yang ditetapkan tersebut, calon, pencadang atau penyokong atau ketiga-tiganya harus menyerahkan dokumen berikut kepada Pegawai Pengurus SPR:


- i. Tiga salinan borang penamaan calon yang lengkap.
- ii. Wang deposit pilihan raya: RM10 000 bagi kerusi Parlimen dan RM5000 bagi kerusi DUN. Calon akan hilang wang deposit sekiranya gagal memperoleh satu per lapan daripada jumlah undi yang diperolehi oleh semua calon yang bertanding dalam satu-satu bahagian pilihan raya.
- iii. Borang Akuan Berkanun, iaitu Borang 5 untuk calon kerusi Parlimen dan Borang 5A untuk calon kerusi DUN.

Borang ini perlu dimatikan setem di Pejabat Duti Setem supaya menjadi sah. Jika pada hari penamaan calon hanya seorang sahaja calon yang hadir atau hanya seorang sahaja calon yang diisytiharkan layak oleh Pegawai Pengurus SPR, maka calon tersebut akan diumumkan menang tanpa bertanding.

3 Kempen Pilihan Raya

Sejurus selepas menghantar borang yang diperlukan pada hari penamaan calon dan diisytiharkan layak untuk bertanding, maka





calon pilihan raya boleh memulakan proses berkempen. Aktiviti kempen ini perlu dihentikan pada pukul 12.00 tengah malam sebelum hari mengundi.

Untuk tujuan kempen, calon dikehendaki membayar deposit bahan kempen kepada SPR sebanyak RM5000 bagi kerusi Parlimen dan RM3000 bagi kerusi DUN. Terdapat pelbagai strategi kempen digunakan, antaranya melalui pemasangan poster, ceramah, pendedaran risalah dan kempen dari rumah ke rumah.

Tempoh berkempen merupakan satu jangka masa yang sangat penting untuk calon yang bertanding bagi memperkenalkan diri dan manifesto yang dibawa kepada para pengundi. Kempen yang berkesan akan dapat menarik minat pengundi.

4

Pengundian

Hari pengundian ialah hari yang ditunggu-tunggu oleh setiap rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas serta telah mendaftar sebagai pengundi. SPR telah

menetapkan pusat pengundian dan saluran bagi setiap pengundi yang berdaftar. Pengundi haruslah datang ke pusat pengundian pada tarikh dan masa yang ditetapkan, iaitu antara pukul 8.00 pagi hingga 6.00 petang.

Walau bagaimanapun, terdapat pengundi yang diberikan kebenaran untuk mengundi lebih awal dan menggunakan sistem undi pos. Individu yang dibenarkan untuk mengundi awal ialah anggota polis dan tentera bersama dengan pasangan. Individu yang layak seperti yang menetap atau berada di luar negara akan dibenarkan mengundi menggunakan kaedah undi pos.

Bagi pengundi yang mengundi di pusat pengundian, setibanya di pusat pengundian tersebut, mereka harus mengemukakan kad pengenalan kepada pegawai SPR yang bertugas untuk semakan daftar pemilih. Sekiranya nama mereka terdapat dalam senarai pengundi di pusat pengundian tersebut, mereka akan dibenarkan untuk mencalit dakwat kekal di jari tangan kiri sebelum diberikan kertas undi.

Kertas undi mengandungi nama calon dan logo parti yang diwakili. Pengundi haruslah menandai simbol (X) dalam kotak yang ditetapkan sebagai tanda mereka mengundi calon tersebut. Setelah selesai, kertas undi tersebut harus dilipat dan dimasukkan ke dalam kotak undi. Sehubungan dengan itu, seorang pengundi telah selamat menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang rakyat Malaysia.

5

Penjumlahan Rasmi Undi

Sebaik sahaja tempoh mengundi tamat, Ketua Pusat Mengundi akan membuat pengiraan kertas undi. Keputusan pengiraan undi akan dimasukkan dalam Borang 14, Penyata Pengundian Selepas Pengiraan Undi dan Borang 15, Penyata Pengundian Selepas Pengiraan Kertas Undi Pos sebelum diserahkan kepada Pegawai Pengurus SPR untuk pengundian jumlah keseluruhan.

6

Pengumuman Keputusan Pilihan Raya

Setelah selesai menghitung Borang 14 dan 15, Pegawai Pengurus SPR bahagian pilihan raya tersebut akan mengisytiharkan calon yang mendapat undi majoriti dan mengesahkannya sebagai wakil yang terpilih bagi bahagian pilihan raya yang diwakilinya. Keputusannya tidak boleh dipertikaikan. Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya boleh mengemukakan bantahan di Mahkamah Pilihan Raya melalui petisyen pilihan raya.

Keputusan pilihan raya yang diumumkan akan menentukan jumlah kerusi yang diperoleh oleh setiap parti politik di Parlimen atau DUN. Sekiranya jumlah tersebut merupakan jumlah majoriti daripada keseluruhan kerusi, maka sesebuah parti itu boleh membentuk kerajaan yang sah dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong bagi kerusi Parlimen dan Sultan, Raja atau Yang di-Pertuan Negeri bagi kerusi DUN.

Pilihan raya yang diadakan di sesebuah negara mencerminkan proses demokrasi yang mengambil berat penglibatan rakyat dalam menentukan masa hadapan negara.



Keadaan pada hari penamaan calon bagi Pilihan Raya Umum tahun 1981 di kawasan Parlimen Kubang Pasu, Kedah.